

# Kukuhkan perpaduan atasi cabaran: PM



7 NOV 1991

KUALA LUMPUR, Rabu — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengajak semua ahli Umno mengukuhkan perpaduan, menanam semangat cinta kepada bangsa dan tanahair serta berjuang lebih gigih bagi mengatasi setiap cabaran dekad 1990-an.

Presiden Umno itu berkata, negara dan bangsa kini menghadapi tugas amat berat yang belum pernah terpikul oleh rakyat pada masa lalu iaitu menyambut cabaran meletakkan landasan kukuh demi mencapai Wawasan 2020.

Menurutnya, cabaran dekad 90-an dan akan datang ialah masalah yang dihadapi bersama dengan negara membangun lain termasuk bagaimana mempertahankan dan meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara dan rantau ini.

“Dengan keadaan di rantau ini kian stabil, seluruh perhatian tertumpu dan terarah kepada membangunkan ekonomi. Sehubungan itu, kita menghadapi pelbagai masalah,” katanya dalam laporan kewangan terbaru Umno menjelang perhimpunan agung parti itu bermula Jumaat ini.

Datuk Seri Dr Mahathir ber-



kata, Malaysia dicemburui oleh negara maju yang lebih berminat mengadakan pelbagai sekatan terhadap barangan buatan tempatan dengan menubuhkan blok-blok perdagangan.

“Usaha kita menubuhkan

Kumpulan Ekonomi Asia Timur cuba dikhianati sedangkan ia sekadar satu forum untuk bertukar fikiran, tidak sekali-kali blok ekonomi seperti dilakukan oleh Amerika dan negara Kesatuan Eropah.

“Selain itu, isu alam sekitar dipergunakan sebagai senjata ekonomi untuk menyekat pembangunan negara. Isu kebebasan manusia pun diperalatkan sebagai senjata memaksa kita tunduk kepada kekuasaan mereka,” katanya.

Bagaimanapun, kata Datuk Seri Dr Mahathir, Umno tetap bertekad tidak berganjak untuk mengukuhkan perpaduan serta memupuk semangat cintakan bangsa dan tanahair di kalangan ahlinya.

Menurutnya, keutuhan Umno kini semakin mantap dan tetap berdiri sebagai parti politik yang terus berfungsi sebagai payung bukan sahaja kepada bangsa Melayu, malah menjadi tonggak harapan setiap rakyat di negara ini.

Perdana Menteri juga berkata, beliau amat bersyukur kerana Wawasan 2020 menarik perhatian pelbagai golongan rakyat.